

PENERAPAN ELEMEN ISLAM DALAM PENDIDIKAN MENURUT SAID NURSI

APPLICATION OF ISLAMIC ELEMENTS IN EDUCATION ACCORDING TO SAID NURSI

Muhammad Shuhaimi Ab Latip¹
Mohd Nasir Ayub²
Imaaduddin Abdul Halim³

¹ Kulliyah Kaunseling Pendidikan & Sains Sosial, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kuala Ketil 09300, Kedah, Malaysia (E-mail: shuhaimi@unishams.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia (E-mail: mnasir251@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia (E-mail: imaaduddin@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 25-8-2025
Revised date : 26-8-2025
Accepted date : 27-9-2025
Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Ab Latip, M. S., Ayub, M. N., & Abdul Halim, I. (2025). Penerapan elemen Islam dalam pendidikan menurut Said Nursi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 703 – 710.

Abstrak: Kajian ini membincangkan penerapan elemen Islam dalam pendidikan berdasarkan pemikiran Badiuzzaman Said Nursi, seorang tokoh ulama dan reformis Islam abad ke-20. Perkembangan unsur liberalisme dalam pendidikan terutamanya selepas kejatuhan Uthmaniah merupakan salah satu punca pendidikan semakin jauh daripada syariat Islam. Kajian ini juga ingin meneliti elemen Islam diterapkan dalam pendidikan seperti kaedah pengajaran menurut Said Nursi. Selain itu, artikel ini juga ingin mengenalisis pemikiran beliau terhadap pembangunan pendidikan berteraskan Islam kontemporari, khususnya dalam usaha mengintegrasikan agama dan ilmu sains moden. Kajian ini juga adalah kajian perpustakaan dan analisisnya pula berdasarkan kerangka analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa Nursi menekankan elemen Islam dalam elemen pendidikan meliputi kaedah pengajaran, pendidikan tinggi, tasawwuf dalam pendidikan, pembendungan ancaman sekularisme dan pembangunan insan sebagai satu pengintegrasian yang memberikan implikasi positif khususnya dalam pengintegrasian ilmu agama dan sains moden.

Kata kunci: Said Nursi, pendidikan, elemen Islam, integrasi ilmu, pembangunan insan

Abstract: This study examines the application of Islamic elements in higher education based on the thought of Badiuzzaman Said Nursi, a prominent twentieth-century Islamic scholar and reformist. It also explores how the educational principles articulated by Said Nursi, particularly the integration of religious knowledge and modern sciences, can be applied within the context of contemporary education institutions. This study is also a library study and its analysis is based on a document analysis framework. The findings reveal that Nursi emphasized an educational framework grounded in teaching methodology, higher learning, philosophical thought, the containment of secularist threats and human development as an inseparable whole.

This principle is believed to cultivate scholars who are not only competent within their respective fields of expertise but also firmly anchored in Islamic values. The implications of this study indicate that the adoption of Nursi's educational model has the potential to strengthen Islamic identity within the realm of education, thereby contributing to the development of a holistic human being balanced in intellectual, spiritual, and moral dimensions.

Keywords: *Said Nursi, education, Islamic elements, integration of knowledge, human development*

Pengenalan

Isu pendidikan Islam sering berkait rapat dengan persoalan epistemologi, iaitu bagaimana ilmu difahami, ditafsirkan dan diaplikasikan dalam kehidupan manusia. Sejak abad ke-19, dunia Islam berdepan dengan cabaran besar akibat pengaruh kolonialisme, sekularisme dan globalisasi yang mengubah struktur pendidikan tradisional (Hashim, 2014). Salah satu cabaran paling ketara ialah munculnya dualisme ilmu seperti pemisahan antara ilmu agama yang diajar di madrasah dengan ilmu moden yang diajar di sekolah-sekolah sekular. Pemisahan ini akhirnya melahirkan generasi Muslim yang tidak seimbang dari segi intelektual dan spiritual. Dalam konteks inilah muncul sosok Badiuzzaman Said Nursi, seorang sarjana dan pemikir Islam yang berusaha merumuskan pendekatan pendidikan Islam yang komprehensif. Dilahirkan di Anatolia Timur pada tahun 1877, beliau hidup dalam era kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah dan kebangkitan Republik Turki yang berlandaskan ideologi sekular. Sepanjang hidupnya, Nursi menyaksikan perubahan drastik sistem pendidikan di Turki, termasuk penghapusan madrasah dan larangan pengajaran agama dalam institusi formal (Vahide, 2005).

Bagi Said Nursi, pendidikan adalah kunci utama kebangkitan umat Islam. Beliau menolak sistem pendidikan yang hanya menekankan aspek material atau sekular kerana menurutnya ia melahirkan manusia yang kehilangan panduan rohani. Sebaliknya, beliau menyeru agar pendidikan Islam menekankan tiga aspek utama:

1. Integrasi ilmu agama dan sains moden agar umat Islam dapat menguasai teknologi tanpa meninggalkan asas keimanan.
2. Pembinaan iman dan akhlak sebagai teras peribadi Muslim yang mampu menghadapi cabaran moden.
3. Tauhid sebagai asas epistemologi supaya seluruh ilmu dan pengalaman hidup dikaitkan dengan keesaan Allah.

Objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis penerapan elemen Islam dalam pendidikan menurut Said Nursi dengan meneliti elemen Islam diterapkan dalam kaedah pengajaran, pendidikan tinggi, penerapan tasawuf dalam pendidikan, pembendungan ancaman sekularisme dan pembangunan insan. Selain itu, artikel ini turut menilai implikasi pemikiran beliau terhadap pembangunan pendidikan Islam kontemporari, khususnya dalam usaha mengintegrasikan agama dan sains.

Sorotan Literatur

Perdebatan tentang pendidikan Islam moden banyak menyorot isu Islamisasi ilmu dan integrasi antara wahyu dan akal. Al-Attas (1993) dan al-Faruqi (1982) menekankan pentingnya Islamisasi ilmu sebagai usaha mengembalikan epistemologi Islam dalam sistem pendidikan. Walau bagaimanapun, pendekatan ini sering dilihat teoritis dan sukar diaplikasikan secara praktikal (Osman Bakar, 2016).

Commented [A1]: Susun ikut tema

Kajian tentang Nursi oleh Mardin (1989) menekankan bahawa beliau adalah tokoh yang berusaha menyelamatkan umat Islam Turki daripada ancaman sekularisme melalui pendekatan pendidikan iman. Sementara itu, Vahide (2005) menyifatkan Nursi sebagai seorang sarjana yang unik kerana berjaya menggabungkan tradisi madrasah dengan pengetahuan sains moden. Turner (2014) pula menekankan sifat rasional dalam karya *Risale-i Nur* yang mampu menjawab keraguan golongan terdidik.

Kajian kontemporari seperti Ramadlani (2021) menegaskan bahawa pemikiran Islamik Said Nursi tetap relevan dalam konteks pendidikan kerana beliau menawarkan pendekatan integratif yang menolak dikotomi ilmu. Hal ini penting dalam usaha membentuk kurikulum pendidikan Islam yang menyeluruh. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kajian terdahulu yang dijalankan tentang permasalahan kajian dalam aspek pengintegrasian nilai-nilai Islam. Namun, kajian tersebut banyak yang memfokuskan kepada seorang lagi cendekiawan Islam yang terkenal seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Sumber utama kajian ini berdasarkan idea asal Said Nursi dalam tafsir Risalah al-Nur. Selain itu, sumber juga diperolehi melalui penelitian terhadap kajian-kajian lepas seperti tesis, buku, jurnal, artikel serta bahan-bahan yang berkaitan. Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kerangka analisis kandungan. Kaedah analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan penerapan elemen Islam dalam pendidikan.

Dapatan Kajian

Bahagian ini menghuraikan secara terperinci penerapan elemen Islam dalam pendidikan menurut Badiuzzaman Said Nursi. Perbincangan dibahagikan kepada beberapa subtema penerapan elemen Islam yang merangkumi kaedah pengajaran, pendidikan tinggi, tasawwuf dalam pendidikan, pembendungan ancaman sekularisme dan pembangunan insan.

Penerapan Elemen Islam Dalam Kaedah Pengajaran

Pengkaji mendapati bahawa Said Nursi melaksanakan beberapa kaedah pendidikan berdasarkan iaitu melalui ceramah, perdebatan atau diskusi, penjelasan, individu (*self-education*), dan nasihat.

Pendekatan melalui ceramah amat bergantung dengan persediaan yang cukup oleh para guru. Selain itu, pendekatan ini juga disebut sebagai pengajaran secara langsung (*direct teaching methode*) yang dijalankan secara komunikasi sehalu (*one way communication*) iaitu suatu proses pemindahan ilmu daripada guru kepada pelajar. Pendekatan melalui ceramah juga merupakan suatu pendekatan yang berkesan untuk menyampaikan bahan pengajaran kepada para pelajar pendekatan ini sering digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Canny Semiawan, 1987).

Menurut Thalib (1996) menerangkan bahawa kemudahan pelaksanaan pendekatan ceramah merupakan proses pemindahan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar iaitu sebagai penerima ilmu. Bukan itu sahaja, pendekatan ini sinonim dengan *ta'lim* iaitu sebagai kaedah pengajaran ilmu malahan termasuk juga kepada mereka yang belum mengetahui.

Selain itu, Said Nursi juga melaksanakan kaedah pendidikan yang berasaskan perdebatan. Pendekatan tersebut dilaksanakan adalah sebagai salah satu kaedah untuk mengurangkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Said Nursi turut menyentuh dalam perdebatannya

mengenai kebebasan, ukhwh Islamiah, hak-hak kaum minoriti dan sebagainya (Nursi, 1999). Sehubungan itu, Said Nursi juga mendekati kumpulan-kumpulan dalam masyarakat setempat dan akan berdebat dengan mereka sekiranya mereka enggan untuk mentaati ajaran agama Islam. Kesannya, Said Nursi berjaya menyelesaikan persengketaan yang berlaku dalam pelbagai kelompok masyarakat di sana (Zaidin, 2001).

Said Nursi juga mengaplikasikan pendekatan pengajaran beliau berasaskan kaedah penjelasan. Pendekatan ini dilaksanakan oleh beliau di dalam Risalah Al-Nur seperti perkara yang berkaitan pengenalan Allah SWT. Pendekatan penjelasan ini juga dijelaskan oleh Said Nursi terhadap keberadaan alam dengan manusia. Selain itu, Said Nursi turut mempraktikkan pendekatan ini berkaitan penjelasan tentang mukjizat Nabi Muhammad SAW (Nursi, 2003). Akgündüz (2010) juga menjelaskan Said Nursi menggunakan analogi sebagai kaedah pendidikan melalui penjelasan. Beliau sering menggunakan perumpamaan untuk menjelaskan konsep abstrak agar mudah difahami oleh masyarakat awam.

Di samping itu, pendekatan pengajaran terhadap individu menurut Said Nursi. Pendekatan di peringkat ini amat mementingkan aspek makrifah (pengetahuan) serta doa sebagai pengisian. Selain itu, melalui makrifah yang berdasarkan persediaan adalah bermula dengan ilmu yang saling berkaitan. Oleh itu, makrifah kepada Allah SWT adalah berasaskan ruh, nur dan ilmu hakikat. Manakala, keimanan kepada Allah SWT adalah berasaskan makrifah kepada Allah SWT. Sesungguhnya, martabat insan diangkat untuk mengenali Allah SWT apabila asas-asas ilmu dalam diri seseorang itu muslim tersebut ditingkatkan (Nursi, 2011). Said Nursi turut menekankan bahawa pendidikan seharusnya berperanan dalam menanam nilai moral dan etika yang kukuh dalam diri individu. Menurut beliau, objektif utama pendidikan adalah untuk melahirkan individu yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga bermoral tinggi serta bertanggungjawab terhadap masyarakat. Pendidikan moral ini dianggap sebagai elemen penting dalam membentuk integriti peribadi dan memastikan keharmonian sosial, sekali gus membimbing individu agar hidup dengan penuh kejujuran serta keadilan (Turner, 2003).

Seterusnya, Vahide (2005) menyatakan bahawa Nursi sering menggunakan kaedah nasihat dalam menyampaikan ilmu kepada murid-muridnya. Pendekatan ini terbukti berkesan kerana ia bukan sahaja menyentuh aspek intelektual tetapi juga rohaniah, yang mana kedua-duanya amat penting dalam pembentukan insan yang seimbang.

Penerapan Tasawuf Dalam Pendidikan

Menurut Al-Salihi (2000), Said Nursi menjalani kehidupannya secara zuhud dan sederhana dengan istiqamah sehingga ke akhir hayatnya. Tambahan pula, Said Nursi sering menyatakan bahawa beliau akan berkhawatir secara bersendirian di dalam gua seperti para zahid. Di samping itu, Said Nursi amat mengagumi Imam Al-Ghazali dan golongan sama sepertinya. Namun begitu, Said Nursi berpendapat bahawa tasawuf tidak berkemampuan untuk mengekang kepantasan arus pemikiran yang menimbulkan keraguan terhadap agama Islam (Al-Salihi, 2000). Hal ini kerana akidah merupakan asas kepada kemuncak tasawuf, yang melibatkan kesempurnaan iman dan amal (Al-Salihi, 2000). Said Nursi juga menunjukkan bahawa beliau berpegang teguh kepada tasawuf berdasarkan empat asas, iaitu al-'ajz (kelemahan), al-faqr (kemiskinan), al-shafaqah (simpati), dan al-tafkir (berfikir). Selain itu, Said Nursi turut mengungkapkan bahawa tasawuf telah menjadi sebahagian daripada jiwanya kerana ia telah dipraktikkan semenjak beliau kecil lagi (Al-Salihi, 1987).

Penerapan Elemen Islam Terhadap Pembendungan Ancaman Sekularisme

Oleh itu, tindak balas Said Nursi terhadap sekularisme, yang berteraskan kepercayaannya terhadap hubungan antara iman dan akal, bukanlah suatu pendekatan yang eksklusif sebaliknya saling melengkapi. Pendekatan beliau boleh dibahagikan kepada beberapa komponen utama, termasuk reformasi dalam bidang pendidikan.

Hal ini selaras dengan gagasan beliau mengenai penubuhan Madrasah al-Zahra', iaitu sebuah universiti yang dirancang untuk menyepadukan ilmu agama dan ilmu sekular. Strategi utama Said Nursi adalah menghidupkan semula unsur kerohanian dalam diri individu dan masyarakat. Beliau berpandangan bahawa punca utama kemunculan sekularisme adalah kelemahan rohani, yang hanya dapat diatasi melalui penghayatan iman dan pembentukan akhlak peribadi (Turner, 2009).

Walaupun pengaruhnya semakin meluas, idea-idea Said Nursi tidak terlepas daripada kritikan. Beberapa orang sarjana berpendapat bahawa penekanan beliau terhadap aktivisme bukan politik mungkin telah menghadkan keupayaan Komuniti Nur untuk membawa perubahan masyarakat yang lebih menyeluruh. Selain itu, usaha mengintegrasikan ilmu agama dengan sains sekular, walaupun bersifat idealistik, sukar dilaksanakan dalam amalan disebabkan oleh struktur sistem pendidikan sekular yang telah berakar umbi (Mardin, 1989).

Penerapan Elemen Islam Terhadap Pembangunan Insan

Menurut Nur Najihah Ismail dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar (2015), Said Nursi sentiasa menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan utama dalam pemikiran dan kehidupannya. Hal ini turut disokong oleh Wan Jafree Wan Sulaiman (1987) yang menyatakan bahawa Said Nursi mempertahankan al-Quran sebagai sumber rujukan utama meskipun berhadapan dengan pelbagai ancaman dan penentangan daripada pihak lawan. Ini dapat dibuktikan melalui penganjuran majlis-majlis ilmu serta penulisan beliau yang terkenal, iaitu Risalah al-Nur, yang menjadi medium penting dalam usaha membentuk keperibadian Muslim yang unggul (Zahir & Sharif, 2020).

Kesepaduan Agama dengan Ilmu Sains Moden

Said Nursi berasakan keperluan untuk mengubah model pendidikan di peringkat pengajian tinggi atau universiti. Menurut beliau, menukar universiti yang sudah mapan bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia memerlukan masa. Hal ini kerana perubahan yang ingin diperkenalkan oleh Said Nursi bertentangan dengan kehendak kerajaan pada ketika itu yang lebih bersifat sekular. Beliau mendapati bahawa merombak sistem pendidikan pada masa tersebut adalah cara yang paling bernas dan berkesan (Said Nursi, 2003). Oleh itu, Nursi memikirkan cara terbaik untuk membawa perubahan adalah dalam sistem pendidikan khususnya untuk generasi atau pelajar dalam peringkat pengajian tinggi. Berdasarkan faktor tersebut, Said Nursi akhirnya mencadangkan penubuhan sebuah universiti bernama 'Medresetuz-Zehra' (Madrasah al-Zahra) di timur Turki sebagai model institusi universiti untuk melaksanakan sistem pendidikan yang bersepadu dan lengkap (Vahide Sukran, 1992).

Sehubungan itu, nama Universiti Madrasah al-Zahra diambil bersempena daripada nama Universiti al-Azhar di Mesir. Oleh itu, model pengajaran dan kurikulum juga diilhamkan daripada model pendidikan Universiti al-Azhar. Namun, perbezaan yang ketara ialah Said Nursi memperkenalkan sistem pendidikan bersepadu antara ilmu agama (Islam) dengan ilmu duniawi (sains moden) (Vahide Sukran, 1992). Selain itu, Said Nursi inginkan sebuah sistem pendidikan umat Islam untuk dibangunkan secara menyeluruh terutamanya di kawasan timur Turki. Beliau

berpendapat bahawa sistem pendidikan yang betul merupakan penyelesaian kepada kemunduran umat Islam pada era akhir kerajaan Turki Uthmaniyah. Said Nursi menjelaskan bahawa pengabaian terhadap ilmu agama menyebabkan berlakunya masalah besar dalam sistem pendidikan umat Islam kerana ilmu sains dan teknologi moden diangkat secara berlebihan, sedangkan ilmu agama hanya menjadi pengikut pada ketika itu (Nursi, 2011).

Justeru, bermulalah perjuangan Said Nursi untuk menubuhkan sebuah universiti Islam di timur Turki, iaitu Madrasah al-Zahra, selaras dengan cita-citanya untuk mengembalikan nur Al-Quran serta menempatkan umat Islam di tempat yang sepatutnya. Beliau menegaskan bahawa terdapat dua langkah untuk mempertahankan kestabilan di timur Turki, iaitu melalui penulisan kitab Rasail al-Nur dan penubuhan Universiti Madrasah al-Zahra. Menurut beliau, penubuhan Madrasah al-Zahra bertujuan untuk mengukuhkan aspek ukhuwah serta keimanan umat Islam (Nursi, 2011).

Kesimpulan

Pendidikan merupakan elemen penting dalam memajukan kehidupan manusia. Kajian ini mendapati bahawa pemikiran pendidikan Badiuzzaman Said Nursi memberikan sumbangan signifikan terhadap pembangunan wacana pendidikan Islam kontemporari. Said Nursi membangunkan pendekatan pendidikan yang bersepadu, menekankan iman, akhlak, dan pengembangan intelektual sebagai suatu kesatuan yang tidak boleh dipisahkan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pemikiran Nursi bukan sahaja relevan dalam konteks sejarah Turki awal abad ke-20, tetapi juga mempunyai nilai aplikasi dalam menghadapi cabaran dalam pelbagai peringkat pendidikan pada hari ini. Model pendidikan integratif yang diketengahkan beliau mampu melahirkan ilmuwan yang seimbang, kompeten dalam bidang kepakaran masing-masing serta berpegang teguh kepada prinsip moral dan spiritual Islam. Implikasi lebih luas daripada kajian ini ialah keperluan untuk menjadikan pemikiran Nursi sebagai rujukan dalam merangka dasar pendidikan berteraskan Islam yang lebih holistik, responsif terhadap cabaran global dan mampu mengekalkan identiti Islam dalam arus perubahan zaman. Justeru, penerapan model pendidikan Nursi dapat menyumbang kepada pembangunan insan yang bukan sahaja cemerlang dari sudut intelektual, tetapi juga utuh dari aspek kerohanian dan akhlak, sekaligus memperkukuh kedudukan pendidikan Islam dalam wacana akademik global.

Rujukan

- Abdullah, P. H. A., & Sulaiman, A. H. (2023). The role of Said Nursi in Islamic education: Integrating religious and human values. *International Journal of Islamic Pedagogy*, 5(2), 112–127.
- Afif, A., Rijal, S., & Silahuddin, S. (2023). Contemporary perspectives on Badiuzzaman Said Nursi's educational philosophy. *Journal of Islamic Education Research*, 11(1), 75–92.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Faruqi, I. R. (1982). *Islamization of knowledge: General principles and workplan*. Herndon, VA: IIIT.
- Al-Salihi, A. (1987). *Badiuzzaman Said Nursi: Hayatuhu wa manhajuhu*. Cairo: Dar al-Fikr.
- Al-Salihi, A. (2000). Tasawuf dan pemikiran Said Nursi: Analisis epistemologi. *Journal of Islamic Thought*, 6(2), 44–63.
- Bakti, A. F. (2010). Dakwah dan pemikiran Badiuzzaman Said Nursi di Turki moden. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi Islam*, 4(1), 55–70.
- Bediuzzaman Said Nursi. (2003). *The Words* (Ş. Vahide, Trans.). Istanbul: Sözlcr Publications.
- Bediuzzaman Said Nursi. (2008). *The Letters* (Ş. Vahide, Trans.). Istanbul: Sözlcr Publications.
- Bediuzzaman Said Nursi. (2009). *The Rays* (Ş. Vahide, Trans.). Istanbul: Sözlcr Publications.
- Bediuzzaman Said Nursi. (2011). *Risale-i Nur Külliyyatı*. Istanbul: Yeni Asya Nesriyat.
- Bediuzzaman Said Nursi. (2013). *The Flashes* (Ş. Vahide, Trans.). Istanbul: Sözlcr Publications.
- Hashim, R. (2014). *Educational dualism in Malaysia: Implications for theory and practice*. Oxford: Oxford University Press.
- Husaini, S. (2005). Sekularisme dan pendidikan di Turki moden. *Jurnal Sejarah dan Tamadun Islam*, 7(2), 33–52.
- Ilyas Fahmi Ramadlani. (2019). Pendidikan Islam menurut Badiuzzaman Said Nursi: Analisis falsafah dan metodologi. *Jurnal Tarbiyah Islamiyah*, 8(2), 145–162.
- Kalyoncu, M. (2013). Science and religion in the Risale-i Nur. *Islamic Studies Journal*, 52(4), 321–340.
- Lestari, M. (2015). Pemikiran Badiuzzaman Said Nursi tentang pendidikan dan pengaruhnya di Turki (1924–1960). *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1), 22–37.
- Mardin, Ş. (1989). *Religion and social change in modern Turkey: The case of Bediuzzaman Said Nursi*. Albany: State University of New York Press.
- Najihah Ismail, N., & Syed Omar, S. H. (2015). Al-Qur'an sebagai sumber pemikiran pendidikan Said Nursi. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(2), 210–225.
- Osman Bakar. (2016). *Islam and the integration of knowledge*. Kuala Lumpur: ISTAC-IIUM Press.
- Paizaluddin Baihaqy, Nasruddin, I., & Susanto, S. (2022). Tauhid and the educational reform of Said Nursi. *Indonesian Journal of Islamic Thought*, 14(1), 85–102.
- Qandil, A. (2011). Family and society in the thought of Bediuzzaman Said Nursi. *Journal of Islamic Social Studies*, 15(3), 201–218.
- Ramadlani, I. F. (2021). Educational philosophy of Bediuzzaman Said Nursi: Relevance for contemporary Islamic higher education. *Journal of Islamic Education Studies*, 12(3), 45–62.
- Rohani, M. M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap kesediaan pelajar dalam penggunaan teknologi, pedagogi, dan kandungan (TPACK) dalam pembelajaran kurikulum di IPT. *Proceedings of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.

- Russo, I. H. (2022). Said Nursi and modern Islamic reform in education. *Comparative Education Review*, 66(4), 523–540.
- Turner, C. (2009). *Islam, faith and politics: The rise of the Nurcu movement in Turkey*. London: I. B. Tauris.
- Turner, C. (2014). *The Qur'an revealed: A critical analysis of Said Nursi's Risale-i Nur*. London: Hurst & Company.
- Vahide, Ş. (1992). Medresetuz-Zehra: The university project of Said Nursi. *Islamic Studies*, 31(1), 45–67.
- Vahide, Ş. (2005). *Islam in modern Turkey: An intellectual biography of Bediuzzaman Said Nursi*. Albany: State University of New York Press.
- Vahide, Ş. (2013). Said Nursi and Islamic education in modern Turkey. *Journal of Qur'anic Studies*, 15(2), 87–112.
- Wan Sulaiman, W. J. (1987). Al-Qur'an sebagai asas pemikiran Badiuzzaman Said Nursi. *Jurnal Usuluddin*, 5(1), 33–47.
- Yavuz, H. (2013). *Toward an Islamic enlightenment: The Gülen movement*. New York: Oxford University Press.